



11 HARI 8 MALAM AFRIKA SELATAN + MAURITIUS

Johannesburg - Port Elizabeth - George - Oudtshoorn - Game Reserve - Hermanus - Cape Town - Mauritius

HARGA FIESTA

ALL-IN RM **11,590**

WARGA EMAS

ALL-IN RM **11,490**



MATAWANG

African Rand

1 ZAR = RM0.30



PERBEZAAN WAKTU

Afrika Selatan: - 6 JAM
Mauritius: - 4 JAM



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
JOHANNESBURG	2	Park Inn by Radisson / setaraf
GEORGE	1	Protea Hotel by Marriott / setaraf
GAME RESERVE	1	Aquila Private Game Reserve Cape Town /setaraf
CAPE TOWN	3	Sothorn Sun Cape Sun / setaraf
MAURITIUS	1	Aanari Hotel & Spa /setaraf

CENTENARY CANOPY WALKWAY



HARI 1 KUALA LUMPUR - MAURITIUS



Tetamu berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Mauritius. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 2 MAURITIUS - JOHANNESBURG



Setelah bersarapan pagi, tetamu akan dibawa ke lapangan terbang untuk penerbangan ke **Johannesburg** yang merupakan kota terbesar di Afrika. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa ke restoran untuk makan tengah hari sebelum bersolat di **Nizamiye Turkish Mosque** yang merupakan masjid yang terbesar di Afrika Selatan serta seni bina yang menyerupai masjid di Turki. Seterusnya tetamu akan dibawa melawat ke **Lesedi Cultural Village** yang menempatkan kebudayaan pelbagai etnik seperti Sotho, Zulu, Xhosa, Pedi dan Ndebele; tetamu boleh melihat perbezaan bentuk rumah tradisi mereka, pakaian mereka, cara hidup mereka dan juga menonton persembahan tarian kebudayaan tradisi. Makan malam di restoran sebelum daftar masuk hotel.

HARI 3 JOHANNESBURG



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa ke **Gold Reef City** yang merupakan sebuah kota tema hiburan yang dibina di tapak sebuah lombong emas lama yang pernah beroperasi dari tahun 1886 sehingga 1971. Di sini tetamu akan dibawa menyusuri sejarah perlombongan emas ini menerusi lawatan Heritage Tour ke dalam lowongan bawah tanah lombong emas ini dan melihat jerih-payah pelombongan dahulukala dalam menghasilkan sejongkong emas. Rasai sendiri pengalaman mencari emas dan mempelajari bagaimana emas dibentuk. Sememangnya satu pengalaman yang amat berbeza! Makan tengah hari dan bersolat di masjid. Seterusnya tetamu akan diberi masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Sandton City Mall**, sebuah kompleks berbelanja antara yang terbaru dan termoden di bandaraya Johannesburg. Makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 4 JOHANNESBURG - PORT ELIZABETH - GEORGE




Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa ke lapangan terbang untuk penerbangan ke **Port Elizabeth**, salah satu bandar pelabuhan yang utama di Afrika Selatan. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa makan tengah hari di restoran dan bersolat di **Abraar Mosque** sebelum meneruskan perjalanan ke **George** yang terkenal sebagai kawasan utama hutan asli yang terbesar di Afrika Selatan. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 5 GEORGE - OUDTSHOORN - GAME RESERVE



Selepas usai bersarapan pagi di hotel, bertolak menuju ke kawasan pergunungan **Oudtshoorn** yang terkenal sebagai "Ostrich capital of the

CAPE OF GOOD HOPE




world". Sesuai dengan namanya, tetamu akan dibawa ke **Safari Ostrich Farm** yang merupakan tempat pembiakan burung unta terbesar di dunia. Menariknya ladang ini menempatkan sekitar 2,500 ekor burung unta dan pengalaman yang paling menarik sudah tentulah ketika dibawa melihat kawasan pembiakan di mana tetamu boleh berdiri di atas telur burung unta! Seterusnya tetamu akan dibawa melawat **Cango Cave** yang cukup unik dengan formasi batuan (Speleothems) yang jarang didapati. Malah gua ini pernah menjadi penempatan pada zaman awal manusia lagi dengan kewujudan artifak dan lukisan dinding. Makan tengah hari dan solat di **Oudtshoorn Jami Mosque**. Kemudian tetamu akan dibawa ke **Game Reserve** bagi merasai pengalaman Game Reserve yang cukup menakutkan mendekati haiwan liar seperti singa, badak sumbu, zirafah, gajah dan banyak lagi serta menerokai hutan belantara Afrika dengan menaiki kenderaan safari. Daftar masuk dan makan malam di lodge.

HARI 6 GAME RESERVE - HERMANUS - CAPE TOWN



Bersarapan pagi di lodge. Tetamu kemudiannya akan dibawa sekali lagi ke **Game Reserve** bagi merasai pengalaman mendekati haiwan liar yang sangat aktif pada awal pagi. Bertolak menuju ke **Hermanus** yang asalnya dikenali sebagai Hermanuspietersfontein; sebuah bandar di pantai selatan wilayah Western Cape yang kaya dengan pemandangan semulajadi yang menakutkan, infrastruktur yang moden dan pelbagai kedai-kedai mewah. Juga menariknya

SEVEN COLOURED EARTH, MAURITIUS



di bandar ini, tetamu berpeluang untuk melihat ikan paus yang bebas berenang di Lautan Atlantik. Makan tengah hari di restoran sebelum bersolat di **Hermanus Mosque**. Sambung perjalanan ke Capetown dan setibanya di sana, tetamu akan dibawa daftar masuk hotel dan makan malam di restoran.

HARI 7
CAPE TOWN



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa melawat sekitar bandar **Cape Town** yang merupakan sebuah bandar pelabuhan yang kaya dengan sejarah orang yang asalnya Melayu. Pertamanya tetamu akan dibawa menaiki kereta kabel ke puncak **Table Mountain** bagi menikmati panorama indah kota tepi laut ini. Kemudian tetamu akan dibawa melawat kawasan **Malay Quarter** yang kini dikenali dengan nama **Bo-Kaap**. Kawasan ini cukup dikenali sebagai kawasan yang berbilang bangsa dengan deretan rumah berwarna-warni. Tetamu berpeluang untuk mengenali golongan Cape Malay ini dan melihat identiti budaya Melayu yang masih dikekalkan dan juga turut diabadikan di **Bo-Kaap Museum**. Selepas makan tengah hari di restoran, tetamu akan bersolat di **Auwal Mosque** yang dibina pada tahun 1798 dan merupakan masjid yang pertama dibina di Afrika Selatan. Membeli-belah di **Victoria & Alfred Waterfront** yang cukup besar dan terkenal terletak di persisiran Lautan Atlantik sebelum makan malam dan pulang ke hotel.

HARI 8
CAPE TOWN



Bersarapan pagi di hotel dan kemudiannya tetamu akan dibawa ke melawat tarikan di sekitar **Cape Peninsula**. Sepanjang perjalanan merentasi **Sea Point**, **Clifton Beach** dan **Llandudno** ini, tetamu akan dapat menikmati pemandangan indah jajaran pergunungan yang dipanggil **Twelve Apostles** dan berhenti untuk berfoto di **Camps Bay** dan **Hout Bay** iaitu sebuah perkampungan nelayan yang berlatarkan lautan dan gunung yang indah. Alami pengalaman menakjubkan ketika menyusuri **Chapman's Peak Drive** dan berfoto panorama indah di puncaknya. Seterusnya tetamu akan dibawa menaiki bot menuju ke **Seal Island** untuk melihat dengan lebih dekat lagi hidupan singa laut di sini yang dianggarkan sebanyak 64,000 ekor dan di sini juga menjadi lokasi kegemaran Great White Shark kerana singa laut ini merupakan rantaian makanan mereka. Kemudian tetamu akan dibawa ke **Boulders Beach** yang merupakan habitat koloni African Penguins yang kian diancam kepupusan. Anda pasti tertarik dengan keletah lucu penguin-penguin ini. Makan tengah hari dan bersolat sebelum tetamu dibawa menuju ke **Cape Point** atau

lebih dikenali sebagai **Cape of Good Hope** menaiki **Flying Dutchman Funicular Tram** menuju ke **Cape Point Lighthouse** dan berfoto di titik penghujung benua Afrika. Makan malam di restoran dan kembali ke hotel.

HARI 9
CAPE TOWN - MAURITIUS



Selepas bersarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa melawat **Kirstenbosch Botanical Garden** yang merupakan salah satu taman botani yang terpenting di dunia sejak tahun 1913 lagi. Ribuan jenis spesies flora terdapat di sini dan tetamu boleh merentasi taman ini dengan melalui **Centenary Tree Canopy Walkway**. Malah tumbuhan Fynbos boleh didapati dengan banyak di sini terutamanya antara Ogos dan November. Makan tengah hari dan bersolat di **Jamia Mosque** yang merupakan masjid terbesar di Bo-Kaap dan juga di masjid ini sembahyang Jumaat yang pertama diadakan di Afrika Selatan pada tahun 1790. Bersiar-siar sambil membeli-belah di **Canal Walk Shopping Centre** yang cukup menarik dan moden sebelum bertolak menuju ke lapangan terbang untuk penerbangan ke Mauritius.

HARI 10
MAURITIUS - KUALA LUMPUR



Setibanya di Mauritius, tetamu akan dibawa daftar masuk hotel. Sarapan pagi dan makan tengah hari di hotel. Kemudian tetamu akan dibawa melihat tarikan menarik di sekitar kepulauan **Mauritius**; dibawa melihat keindahan **Chamarel Waterfall** yang merupakan air terjun yang tertinggi dan paling popular di Mauritius setinggi 83m. Sekitar kawasan ini dipenuhi kehijauan semulajadi **Black River National Park**. Di sini juga terletak salah satu keajaiban Mauritius iaitu **Seven Coloured Earth** di mana satu-satunya lokasi di dunia yang anda akan dapat melihat beting pasir yang mempunyai 7 jenis warna dan di sini juga tetamu akan dapat berfoto bersama kura-kura gergasi! Akhirnya tetamu akan dibawa ke **Alexandra Falls View Point** bagi mengambil gambar pemandangan panorama indah Mauritius sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 11
KUALA - LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



24 Aug 2019



KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 12,390	RM 13,690	RM 11,890	RM 9,990	RM 9,290
Warga Emas	RM 12,290	RM 13,590			
FIESTA	RM 11,590	RM 12,890	RM 11,090	RM 9,190	RM 8,490
Warga Emas	RM 11,490	RM 12,790			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	MK 647	K. LUMPUR - MAURITIUS	1320	1845
01	MK 851	MAURITIUS - JOHANNESBURG	0925	1150
04	BA 6241	JOHANNESBURG - PORT ELIZABETH	1110	1250
09	MK 844	CAPE TOWN - MAURITIUS	2205	0510
10	MK 646	MAURITIUS - K. LUMPUR	2040	1000 + 1

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Bagasi 30kg dan Bagasi Kabin 7kg.
- Tiket penerbangan domestik sehala dari Johannesburg ke Port Elizabeth.
- Hotel penginapan bertaraf 3*-4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengah hari dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Lesedi Cultural Village, Safari Ostrich Farm, Cango Cave, Game Reserve, kereta kabel Table Mountain, Bo-Kaap Museum, Iziko Slave Lodge, Chamarel Waterfall dan Seven Coloured Earth.
- Pengangkutan bot ke Seal Island dan Flying Dutchman Funicular Tram.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.



BOULDERS BEACH